

**TEKS UCAPAN ALUAN**

**TUAN HAJI ROSLI BIN ZUL  
PENGARAH  
JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI PERAK**

**BERSEMPENA**

**SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR NEGARA (HASN) PERINGKAT  
NEGERI PERAK 2020**

**5 JANUARI 2021 (SELASA)**

**PUSAT PENGUJIAN ASAP KENDERAAN  
JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI PERAK (GOPENG)**

**Yang Berhormat Encik Ahmad Saidi Bin Mohamad Daud**

Pengerusi Jawatankuasa Sambutan Hari Alam Sekitara Negara 2020 Peringkat Negeri Perak Darul Ridzuan.

Mantan Pengerusi Kesihatan, Alam Sekitar, Sains dan Teknologi Hijau Perak

(sekarang memegang Portfolio Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Sumber Manusia)

**Datuk Ir Gunter Tobeng Mansor**

Pengarah Urusan

Gading Kencana Sdn Bhd.

**Wakil-wakil dari agensi-agensi daripada Jawatankuasa Induk Hari Alam Sekitar Negara 2020 Peringkat Negeri Perak Darul Ridzuan**

**Rakan-Rakan Strategik Hari Alam Sekitar 2020,**

**Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera,**

1. Terlebih dahulu saya memanjatkan rasa syukur kerana dengan izinnya dapat kita berkumpul pada hari ini di Majlis Perasmian Sambutan Hari Alam Sekitar 2020 Peringkat Negeri Perak di Pusat Pengujian Asap Kenderaan, Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak (Gopeng).
  
2. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Encik Ahmad Saidi Bin Mohamad Daud, mantan Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sains, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau atas kesudian beliau untuk hadir merasmikan majlis kita

pada hari ini. Saya juga mewakili seluruh warga Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat atas portfolio baru yang disandang sebagai Pengurus Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Sumber Manusia.

3. Tidak ketinggalan juga, saya ingin mengucapkan setinggi penghargaan, tahniah dan terima kasih saya bagi pihak Jabatan Alam Sekitar (JAS) kepada pihak kerajaan Negeri Perak semua agensi Persekutuan dan Negeri serta Rakan Strategik JAS yang telah memberi sokongan padu dalam menjayakan program Hari Alam Sekitar pada kali ini.
4. Untuk makluman semua, Sambutan Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Negeri Perak ini pada asalnya dijadualkan pada 10 Disember 2020 di Kompleks Hijau Solar, Bidor Perak namun terpaksa ditangguhkan atas sebab pandemik Covid19. Namun dengan izinnya juga Sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2020 dapat kita laksanakan pada hari ini.

**Dato'-Dato', Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,**

5. Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) sebenarnya disambut pada 21 Oktober setiap tahun oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS). Sambutan ini merupakan penjenamaan semula Sambutan Minggu Alam Sekitar Malaysia (MASM) susulan termaktubnya Deklarasi Langkawi Mengenai Alam Sekitar pada 21 Oktober 1989. Semenjak tahun 1991, Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar (ketika itu, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar) menerusi Jabatan Alam Sekitar telah merancang dan melaksanakan pelbagai aktiviti sebagai usaha berterusan Kerajaan untuk

menerap dan meningkatkan kesedaran alam sekitar di kalangan masyarakat Malaysia.

6. Pada tarikh 23 Oktober 2020 yang lalu, sambutan HASN peringkat Kebangsaan yang telah diadakan di Kubang Kerian, Kelantan dan telah dirasmikan oleh Menteri Alam Sekitar dan Air, Datuk Seri Tuan Ibrahim Bin Tuan Man. Sambutan HASN ini bertujuan untuk memupuk dan meningkatkan kesedaran awam mengenai pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Sambutan HASN pada tahun ini disambut dengan mengambil kira SOP yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan juga Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

**Dato'-Dato', Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,**

7. Tema sambutan Hari Alam Sekitar Negara tahun 2020 ini masih dikekalkan seperti tahun sebelum ini iaitu "Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama". Bagi sambutan HASN pada tahun ini, aktiviti utama (signature event) adalah memberi tumpuan kempen pemgumpulan buangan elektrikal dan elektronik (BEE) dari isi rumah (household e-waste).
8. "Household e-waste" merupakan buangan elektrikal dan elektronik yang telah rosak/tidak berfungsi, yang tidak digunakan lagi dan perlu dilupuskan. Namun jika dilupuskan sewenang-wenangnya, bahan-bahan toksik didalamnya terutamanya logam-logam berat boleh menjaskan sumber air dan memudaratkan kesihatan. Oleh itu, adalah penting untuk meningkatkan kesedaran awam akan tanggungjawab terhadap buangan e-waste dengan sempurna dan tidak mencemarkan alam sekitar.

9. Antara contoh “household e-waste” yang boleh dikitar semula adalah televisyen, penyaman udara, mesin basuh, peti sejuk, komputer dan telefon bimbit. Terdapat pelbagai logam berharga boleh diperoleh kembali daripada e-waste yang telah dilupuskan antaranya aluminium. Zink, emas, dan kumprum.
10. Kempen ini telah mendapat kerjasama yang padu daripada Rakan Strategik Alam Sekitar 2020 antara yang utamanya adalah Gading Kencana Sdn. Bhd., Edsha Solutions Sdn. Bhd., KenEp Resources (Asia) Sdn. Bhd., YTL (Perak-Hanjoong Simen Sdn. Bhd.), Hume Cement Sdn. Bhd., QL Foods Sdn. Bhd., TNB Janamanjung Sdn. Bhd., Proton Tanjung Malim Sdn. Bhd., Taiko Bleaching Earth Sdn. Bhd., Sime Darby dan banyak lagi.

**Dato'-Dato', Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,**

11. Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak telah berjaya mengumpul sebanyak 32.358 MT Buangan Eletrikal dan Elektronik (BEE) Isi Rumah di mana pencapaian ini telah melebihi sasaran yang telah ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar Malaysia iaitu sebanyak lima (5) MT setiap JAS Negeri. Untuk makluman Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan semua, secara keseluruhan pencapaian pengumpulan BEE seluruh negara adalah sebanyak 130,000 kg (130MT) dan telah melebihi 1 kali ganda sasaran 63MT pada awal kempen dilancarkan. Dan Perak merupakan negeri yang menduduki tempat ke empat terbanyak di dalam pengumpulan buangan elektrikal dan elektronik isi rumah.

**Dato'-Dato', Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,**

12. Tugas untuk menjadikan Malaysia negara yang indah bukanlah tanggungjawab Kerajaan semata-mata, malah ia tanggungjawab bersama semua pihak. Oleh itu, saya menyeru pihak swasta, pekilang, pemaju, sector korporat dan orang perseorangan untuk tampil ke hadapan membantu usaha kerajaan untuk memastikan alam sekitar terus terpelihara.
13. Sebelum mengakhiri ucapan saya ini, saya mengambil kesempatan untuk menyeru para hadirin sekalian agar dapat menyertai semua program dan acara yang diaturkan oleh Jabatan Alam Sekitar. Harapan saya agar kita dapat bersama-sama menjaga kesejahteraan dan kelestarian alam sekitar kerana ianya adalah satu Anugerah Tuhan yang perlu kita hargai bersama. Terima kasih sekali lagi atas bantuan, sokongan dan kerjasama secara langsung dan tidak langsung sepanjang perlaksanaan program dan penganjuran Hari Alam Sekitar Negara 2020 Peringkat Negeri Perak.

Sekian, terima kasih.